

Guna insentif Risdia untuk kembangkan perniagaan



Ratena (depan, tengah) menerima replika insentif yang disampaikan oleh Mohamad Aziz di UTHM.

BATU PAHAT - "Mereka tak beritahu pun yang saya akan dapat insentif untuk perniagaan, yang diberitahu hanyalah perlu hadir Konvensyen Amalan Pertanian Baik (GAP) saja," kata Ratena Divi Kosnan, 39.

Ratena berkata, dia terkejut apabila dinyatakan oleh Risdia akan menjadi salah seorang daripada 10 penerima insentif Tenaga Kerja Pekebun Kecil (TKPK) Negeri Johor, 2017.

Menurutnya, dia menjalankan perniagaan perkhidmatan dandan-an dan menggunting rambut wanita yang kini semakin mendapat perhatian penduduk setempat.

"Bila diumumkan terima insen-

tif ini, saya terkejut dan tak pernah langsung terfikir akan dapat bantuan dari Risdia. Saya bersyukur dengan insentif ini. Terima kasih Risdia Johor dan Risdia Pontian kerana bantu saya dalam perniagaan.

"Selepas ini, saya bercadang untuk besarkan lagi perniagaan dengan mengembangkannya secara bergerak (mobile) dari rumah ke rumah," katanya ketika ditemui, semalam.

Sementara itu, Pengarah Risdia Johor, Daman Huri Toha berkata, kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menyalurkan sebanyak RM38.9 juta untuk Risdia Johor.

Katanya, peruntukan diberikan

menerusi beberapa program untuk mempertingkatkan pengeluaran dan pendapatan pekebun kecil, yang mana sebanyak RM173,000 digunakan untuk program berkaitan GAP.

"Dalam perancangan kita pada tahun 2020 nanti, melalui GAP ini Risdia menyasarkan pekebun kecil akan memperoleh pendapatan purata RM4,000 sebulan," katanya.

Sebelum itu, Ratena mewakili 10 penerima lain memperolehi insentif keseluruhan bernilai RM50,000 disampaikan Speaker Dun Johor, Tan Sri Mohamad Aziz di Dewan Sultan Ibrahim, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).